

BULETIN

# HORIZON

EDISI 15

Berdakwah di Bumi  
Matahari Terbit

## JEPUN

BANK RAKYAT  
TAJA 3 PELAJAR  
"SKIM ZAMALAH"

**KUIS:**  
PENERAJU  
TRADISI  
ILMU


## KUISCELL

DAN HALAL INTERNATIONAL  
SELANGOR (HIS) BAKAL  
LAHIRKAN 200 ORANG  
PROFESIONAL HALAL

**Hajah Noortia**  
Pustakawan KUIS

# FOREWORD

Oleh : EN. HAFIZ BIN MOHD RADZI



Alhamdulillah, all praise be to the Almighty Allah for giving us the opportunity to publish the 1st Edition of 'Buletin Horizon' 2018. The new motto introduced by the management of KUIS, 'The Trendsetter of Knowledge Tradition', has given us the opportunity to determine our visions and future goals in the light of challenges ahead. This is further enhanced by the rating of Tier 4 in the Rating for Higher Education Institutions in Malaysia (SETARA). As a university that emphasizes on the balance between worldly and hereafter life, it is our responsibility not only to make an intellectual impact internationally but also to benefit humankind in addressing challenges and societal needs locally, regionally and globally. It is hoped that the newly approved programs; The Foundation in English Language, Bachelor's Degree in Management (Halal Industry), Bachelor's Degree in Syariah and Muamalah and Bachelor's Degree in Arabic Language & Multimedia will facilitate our academic endeavours in this challenging time. The recent collaboration with SIDMA College in Sabah and Sarawak on 19 March 2018 marks the beginning of a new chapter for KUIS in East Malaysia. The people of 'The Land Below the Wind' and 'The Hornbill State' can now pursue higher education in Islamic Studies offered by KUIS. MARCOM would welcome cooperation from KUIS staff in promoting our programs all over Malaysia in our effort to search for more Dai'e, Ulama' and Umara'.

## Isi Kandungan

- 1 | Foreword
- 2 | Sidang Editorial
- 3 | KUIS: Peneraju Tradisi Ilmu
- 4-5 | Peranan Ketua Pustakawan Perpustakaan Imam Al-Syafi'i KUIS
- 6 | Kunjungan UPSI dan UMMI ke Perpustakaan Imam Al-Syafi'i KUIS
- 7 | Skim Zamalah Pascasiswazah Bank Rakyat, KUIS
- 8 | Bank Rakyat Taja 3 PELAJAR PhD melalui "SKIM ZAMALAH"
- 9 | Majlis Bai'ah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- 10 | Berdakwah di Bumi Matahari Terbit JEPUN
- 11 | Apps Islamik hasil usaha FSTM
- 12 | Seminar Poligami Pilihan atau Takdir
- 13 | Wacana Akademik 3.0 FSU
- 14 | Wacana Fiqh Turath 1
- 15 | Program Pertukaran Pelajar KUIS-UMMI Erat Jalinan
- 16 | Pelajar STIE Ekuitas Bandung Timba Pengalaman di KUIS
- 17 | Program Latihan Profesionalisme Keguruan bagi Guru-guru Kafa Daerah Hulu Langat.
- 18 | KUISCELL dan HALAL International Selangor (HIS) Bakal Lahirkan 200 Orang Profesional Halal
- 19 | Gerak Gempur STAM 2017
- 20 | Sadaqa House Launching By Bnak Islam During Karnival Kewangan Anjuran ISOT 2018
- 21 | SADAQA HOUSE MODEL WINS AWARDS AT THE 8TH EXPOSITION ON ISLAMIC INNOVATION (I-INNOVA) 2018
- 22 | Iklan KUIS
- 23 | Iklan Yayasan KUIS

## Sidang Editorial

### Penaung

Profesor Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri  
Rektor

### Ketua Editor

Dr. Zulkifli Hj. Abd Hamid  
Timbalan Rektor Pengurusan Korporat  
(Pembangunan & Pengantarabangsaan)

### Editor

En. Hafiz Mohd Radzi  
Ketua Bahagian Pemasaran & Komunikasi

### Wartawan


- Pn. Mudzirah Aishah Pawanteh
- Pn. Aliah Zulkifli
- En. Mohamad Hanafi Ismail
- Dr Zetty Nurzuliana Roshad
- Pn. Zaini Yusnita Jusoh
- Ust Bdul Hakim
- En. Khirulnizam
- Pn. Norazreen Roslan
- En. Mohd Hanafi Mohamed
- En. Muhamad Subari Ramli
- En. Muhammad Firdaus Haris
- Pn. Safinah Ismail
- En. Khairul Anuar Ahmad
- Dr Norziah Othman
- Athilah Juhari

### Perunding Grafik

En. Shahrizam Azmer Mohamad

### Pembaca Pruf

Pn. Raja Nor Ashikin Raja Ramli



# KUIS: PENERAJU TRADISI ILMU

**PROF. DATO' DR. AB. HALIM BIN TAMURI**  
Rektor KUIS

“..Allah meninggikan orang beriman dalam kalangan kamu, dan juga orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui tentang apa yang kamu lakukan.” Surat Al-Mujadalah ayat 11.

Alhamdulillah dengan izin Allah swt usia KUIS telah menjangkau 23 tahun, dan matlamat penubuhan sebagai Institusi Pengajian Tinggi Islam yang bersifat memenuhi tanggungjawab sosial dan ummah telah mengekalkan objektif awal penubuhannya untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun ummah berpaksikan moto Pemangkin Tradisi Ilmu.

Bagi memacu tradisi ilmu ini, KUIS telah melancarkan moto baharu iaitu “Peneraju Tradisi Ilmu” bagi membolehkan institusi ini terus bergerak maju secara agresif dan proaktif bagi menuju sebuah universiti yang berkualiti dan melahirkan graduan yang berdaya saing dan kompetitif dalam dunia globalisasi. Pengintegrasian antara ilmu Naqli dan Aqli merupakan teras kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di KUIS.

Sebagai peneraju dalam Institusi Pendidikan Tinggi Islam, KUIS menawarkan program pengajian yang 'employability' dan 'marketability' dalam pelbagai bidang bermula daripada Peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dengan jumlah keseluruhan program sebanyak 45 program yang mendapat kelulusan akreditasi penuh MQA.

KUIS adalah sebuah institusi pendidikan ummah yang diamanahkan untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dan berkualiti yang melahirkan generasi Da'i, Ulama dan Umara. Sehubungan itu, KUIS terus mengorak langkah memenuhi kewajipan fardhu kifayah mendidik masyarakat tanpa bermotifkan nilai komersil.

Dalam bidang penyelidikan, beberapa pusat penyelidikan di bawah KUIS yang menjurus kepada kepakaran akademik terus diperkasa bagi menangani isu-isu Aqidah, Dakwah, Pengajian Hadith, Bahasa Arab dan Kewangan Islam. Rangkaian MoU berkaitan dengan pembangunan akademik di dalam dan di luar negara juga sedang rancang berjalan dan telah memperlihatkan bahawa KUIS sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam yang mempunyai rangkaian dan jaringan pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

**KUIS Peneraju Tradisi Ilmu.**



Hajah Noorlia Binti Ramli  
Ketua Pustakawan KUIS

**PEJABAT KETUA PUSTAKAWAN**

- 📍 Aras Bawah, Perpustakaan Imam Al-Syafi'i, Blok Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- ☎ +603 8911 7000
- 📠 +603 8925 4467
- @ kp@kuis.edu.my

Menamatkan pengajian dengan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi MARA pada tahun 2000. Mula mengorak langkah bersama-sama KUIS sejak tahun 1996 sebagai Ketua Jabatan Perpustakaan. Sebelum menyertai KUIS, pernah berkhidmat di beberapa buah organisasi luar selama lebih kurang 7 tahun. Pada tahun 2007 beliau telah dilantik sebagai Ketua Pustakawan KUIS sehingga kini.

Merupakan antara pegawai yang paling lama berkhidmat di KUIS selama lebih 22 tahun dengan menggunakan no staf 0007. Mengikuti KUIS bermula dari Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah (SAMTTAJ) seksyen 11 Shah Alam pada tahun 1996 sehingga berpindah ke bangunan KUIS sendiri yang terletak di Bandar Seri Putra, Kajang pada bulan Jun 2000. Beliau bertekad menjadikan perpustakaan Imam Al-Syafi'i KUIS sebagai sebuah pusat rujukan yang +terkenal dengan kepakarannya di dalam bidang Syariah dan Undang-undang Islam.

# PERANAN KETUA PUSTAKAWAN PERPUSTAKAAN IMAM AL-SYAFI'I KUIS

Oleh : Mudzirah Aishah Pawanteh

1. BOLEHKAH PUAN KONGSIKAN SECARA RINGKAS CABARAN YANG DILALUI SEPANJANG TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI KETUA PUSTAKAWAN DI KUIS.

Sepanjang tempoh perkhidmatan selama lebih daripada 22 tahun, pelbagai cabaran dan pengalaman pahit manis yang ditempuhi apatah lagi apabila perlu berhadapan dengan gelagat dan ragam para pelajar yang rata-ratanya terdiri daripada kelompok generasi Y.

Di awal perpindahan KUIS ke Bandar Seri Putra dan sehingga kini, perpustakaan telah ditempatkan buat sementara di bangunan teknologi maklumat yang hanya dapat menampung seramai 400 orang sahaja dalam satu masa. Ruangan yang terhad semestinya menimbulkan ketidakselesaan di kalangan pengguna. Keadaan ini secara tidak langsung memberikan cabaran kepada pihak perpustakaan kerana tidak dapat menyediakan kemudahan ruangan yang cukup untuk pengguna. Isu ketidakcukupan ruangan di dalam perpustakaan selalu mendapat komen bukan sahaja daripada pelajar KUIS sendiri bahkan juga dari pihak luar seperti pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) setiap kali lawatan penilaian dilakukan. Namun begitu, pihak perpustakaan amat bersyukur dan berterima kasih kerana penaiktarafan bangunan teknologi maklumat untuk dijadikan perpustakaan akan menjadi kenyataan pada tahun hadapan bagi menangani masalah ini.

Masalah kekurangan bahan rujukan juga adalah antara isu yang selalu disuarakan terutamanya oleh pelajar. Ada beberapa sebab kenapa keadaan ini berlaku. Ada ketikanya bahan rujukan yang diperlukan gagal diperolehi kerana kehabisan stok dan tidak diulang cetak. Maklumat bahan rujukan yang dipohon ada kalanya tidak lengkap ataupun salah. Ini juga adalah penyumbang kepada permasalahan di atas dan antara cabaran yang perlu dilalui oleh pihak perpustakaan.

Antara tindakan yang telah diambil oleh perpustakaan adalah dengan memperkenalkan program ziarah mahabbah pensyarah ke perpustakaan. Cara ini bukan sahaja dapat mengumpul pensyarah di perpustakaan bahkan juga dapat melakukan perbincangan bersama sambil bertukar pandangan berkaitan bahan-bahan rujukan yang ada. Program ini amat berjaya kerana selain daripada dapat bersua muka dengan pensyarah ianya juga secara tidak langsung mengeratkan ukhuwah dan perkongsian maklumat di antara pensyarah dan pihak perpustakaan.

Selain daripada itu, cabaran seterusnya yang dihadapi adalah apabila berhadapan dengan pelajar KUIS sendiri. Kebanyakannya berkaitan dengan soal disiplin pelajar, adab, peraturan yang tidak dipatuhi serta etika mereka sebagai seorang pelajar KUIS. Itu semua adalah asam garam kehidupan dalam pekerjaan demi memberikan yang terbaik kepada anak bangsa sendiri. Apa yang diharapkan agar suatu hari nanti pelajar-pelajar KUIS yang bakal bergelar graduan dapat membuktikan KUIS adalah sebuah IPT yang terbaik di negara ini.

## 2. BOLEHKAH PUAN ULAS SECARA RINGKAS TANGGUNGJAWAB DAN TUGASAN UTAMA YANG DIPIKUL SEBAGAI SEORANG KETUA PUSTAKAWAN.

Bertanggung jawab melaksanakan secara profesional aktiviti pembangunan sumber maklumat, pengurusan pentadbiran dan pengawalan bajet perpustakaan, aplikasi ICT di perpustakaan, pemeliharaan keselamatan sumber maklumat, pendokumentasian dan pengurusan maklumat, pengurusan arkib, pemuliharaan, penyimpanan serta pengawalan sumber dokumen, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh pengguna perpustakaan.

## 3. SEBAGAIMANA YANG PUAN MAKLUM KUIS SEDANG MENUJU KE ARAH UNIVERSITI PENUH. APAKAH PERSEDIAAN YANG SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN PERPUSTAKAAN IMAM AL-SYAFI'I KUIS SEBAGAI LANGKAH UNTUK BERDAYA SAING DENGAN UNIVERSITI LAIN.

Matlamat ataupun perancangan perpustakaan Imam Al-Syafi'i di masa akan datang adalah untuk menjadi sebuah perpustakaan digital. Walaubagaimanapun koleksi bercetak masih dikekalkan dalam jumlah yang lebih kecil bagi menampung keperluan terutamanya

dalam bidang pengajian Islam. Dengan adanya perpustakaan digital, pengguna boleh mendapatkan maklumat di hujung jari dengan lebih mudah malah menjimatkan masa dan tenaga. Apatah lagi dengan ledakan maklumat dan dunia tanpa sempadan ini. Maklumat boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Ini sudah tentu melibatkan perubahan yang besar dalam pentadbiran perpustakaan itu sendiri termasuk keperluan bajet yang tinggi.

Untuk membangunkan perpustakaan digital ini, Perpustakaan dan pihak IT perlu bekerjasama kerana kedua-duanya saling perlu memerlukan dalam merealisasikan penubuhan sesebuah perpustakaan digital. Ini adalah kerana kejayaan mengakses maklumat bergantung kepada prasarana yang dikawal selia oleh pihak IT dan dengan keupayaan wifi yang disediakan.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, perpustakaan perlu bersedia membuat perancangan yang rapi dan teratur serta diiringi dengan usaha yang berterusan. Kakitangan akan dilatih dan dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan teknologi maklumat supaya dapat berperanan membantu pengguna perpustakaan mengakses bahan dengan cepat dan tepat seperti yang diinginkan.

Transformasi ruang juga merupakan satu anjakan paradigma dalam perpustakaan akademik bagi memastikan perpustakaan masih lagi relevan untuk dikunjungi. Sehubungan dengan itu, perancangan penaiktarafan bangunan Teknologi Maklumat dan seterusnya dimiliki sepenuhnya oleh Perpustakaan Imam Al-Syafi'i akan dilakukan secara berperingkat pada tahun hadapan bagi menampung kapasiti pengguna seramai 1,500 orang dalam satu masa.

Begitu juga perancangan penubuhan Repositori Institusi juga sedang giat diusahakan bagi menempatkan koleksi intelektual hasil penulisan warga KUIS bagi memudahkan proses pembelajaran dan penyelidikan dan ianya boleh diakses secara atas talian.

Selain daripada itu, keperluan melengkapkan koleksi perpustakaan yang lebih mantap dalam pelbagai format (bercetak dan elektronik) juga di dalam perancangan agar visi Perpustakaan Imam Al-Syafi'i untuk menjadi sebuah perpustakaan akademik yang lengkap dan bersifat menyeluruh tercapai.

# KUNJUNGAN UPSI DAN UMMI KE PERPUSTAKAAN IMAM AL-SYAFI'I KUIS



Sesi Fotografi delegasi UMMI bersama Pengurusan KUIS

Oleh: Mohd Hanafi Mohamed

Pada 29 Januari yang lalu satu lawatan benchmarking telah diadakan oleh Perpustakaan Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) ke Perpustakaan Imam Al-Syafi'i KUIS. Lawatan ini bagi melihat proses inventori, penggunaan *hand held scanner* dan proses pelupusan buku yang dilaksanakan oleh KUIS selain sesi pertukaran idea bagi menambahbaik pengurusan kedua-dua organisasi.

Manakala pada 7 Februari KUIS telah menerima kunjungan daripada wakil Universitas Muhammadiyah Sukabumi (UMMI) bagi menjalinkan kerjasama dengan pihak Perpustakaan Imam Al-Syafi'i KUIS. Antara pengisian kerjasama adalah sesi perkongsian ilmu dan pengetahuan di antara pustakawan kedua-dua belah organisasi serta perkongsian idea berkaitan dunia perpustakaan.

Delegasi Universitas Muhammadiyah Sukabumi (UMMI) diketuai oleh Dr. Reny Sukmawani. M.P (Timbalan Rektor 1 UMMI) bersama 7 orang pegawainya. Manakala KUIS diwakili oleh Dr. Zulkifli Bin Haji Abd Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan). Lawatan turut disertai oleh barisan Pengurusan KUIS dan pegawai-pegawai KUIS.

Diharapkan dengan sesi percambahan idea antara delegasi UPSI & UMMI dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan kedua-dua belah institusi dalam usaha memastikan peranaan perpustakaan sentiasa relevan dengan perkembangan dunia semasa.



Bersama delegasi UPSI



Bersama delegasi UMMI

# Skim Zamalah Pascasiswazah Bank Rakyat, KUIS

Disediakan oleh : Aliah Zulkifli

Dalam strategi bagi memperkenalkan nama KUIS ke serata pelusuk Malaysia, KUIS telah memperluaskan jalinan kerjasama akademik ke Kepulauan Borneo dengan Kolej Sidma (Kolej Sidma Sarawak dan Kolej Sidma Sabah) dalam bidang pengajian Islam.

Kerjasama ini telah dimeterai melalui Memorandum Perjanjian (MoA) Usahasama Francais yang ditandatangani antara KUIS dan Kolej Sidma Sarawak pada 19 Mac 2018 dan Kolej Sidma Sabah pada 23 Mac 2018.

Majlis ini turut dihadiri oleh Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Dato' Bahtiar bin Hussin dan Ahli Lembaga Pengarah KUIS, Dato' Profesor Mujaini bin Tarimin selain Ahli Lembaga Pengarah Kolej Sidma iaitu Dr Mornie Kambri.

Program kerjasama akademik ini menyaksikan penawaran program KUIS iaitu Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab), Diploma Pengajian Islam (Akidah dan Pemikiran Islam), Diploma Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah) dan Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) di Kolej Sidma Sarawak dan Kolej Sidma Sabah. Penawaran program-program ini dijangka akan bermula pada Sesi November 2018.

Jalinan kerjasama akademik ini, dilihat akan membuka dan memperluaskan peluang kepada warga Kepulauan Borneo dan sekitar selatan Filipina untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Pengajian Islam di Kolej Sidma dengan menggunakan kurikulum KUIS.

Kerjasama ini akan menjadi wadah kepada usaha KUIS dalam mempertingkatkan perkembangan ilmu terutamanya bidang pengajian Islam yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat di Kepulauan Borneo khususnya di Sarawak dan Sabah serta negara sekitar.

Kerjasama ini dijangka akan bermula pada Sesi pengambilan November 2018 yang akan datang.



## BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK

- ✉ Aras 1, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- ☎ +603 8911 7000 sambungan 3409 / 3560 / 3325
- 📠 +603 8925 7677    @ bpa@kuis.edu.my



# BANK RAKYAT TAJA 3 PELAJAR PhD MELALUI "SKIM ZAMALAH"

Oleh : Mohamad Hanafi bin Ismail

Pada 22 Februari yang lalu, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah memeterai satu Memorandum Kerjasama (MoC) dengan Bank Rakyat, Yayasan KUIS dan Yayasan As-Syafie bagi menaja 3 orang pelajar yang kurang berkemampuan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sepenuh masa melalui Skim Zamalah Pascasiswazah Bank Rakyat. Jumlah dana yang diperuntukan bagi perjanjian ini adalah sebanyak RM 415,450.00 merangkumi elaun sara diri dan yuran pengajian.

Menerusi kerjasama ini, pelajar yang berkecukupan akan menerima sumbangan zakat bagi menyambung pengajian mereka di KUIS dalam bidang Syariah Islam, Pendidikan dan Pengajian Bahasa Arab.

MoC ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi (Operasi Perbankan), Dato' Asmuni bin Sudin dan Ustaz Mohd Zamerey bin Abdul Razak, Ketua Pematuhan Syariah yang mewakili Bank Rakyat manakala Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor diwakili oleh Rektornya iaitu Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri.

Yayasan KUIS pula diwakili oleh Pengerusi Exconya iaitu Dr. Zulkifli bin Abd Hamid dan wakil Yayasan As-Syafie pula adalah Dr. Rahimi bin Md Saad.

Menurut Dato' Asmuni Sudin, "MoC yang dimeterai ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat bersama untuk membantu menyediakan platform kepada pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan bagi merealisasikan impian mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi".

Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri turut mengucapkan syukur dengan kesudian pihak Bank Rakyat kerana sudi menaja pelajar KUIS dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai Doktor Falsafah berlandaskan Syariah Islamiah selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju menerusi pendidikan tinggi".

Dalam tempoh 3 tahun akan datang KUIS bakal melahirkan golongan profesional dan cendekiawan Islam yang mampu memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.



## BAHAGIAN ZAKAT, WAKAF & INFAQ

Aras 1, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7094 / 7022 / 7075

+603 8922 2652

@ bzwi@kuis.edu.my

# BAIAH MPP KUIS SESI 2018/2019

Oleh : Muhammad Firdaus Haris



## MAJLIS BAI'AH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUIS SESI 2018/2019



Pada 23 Februari yang lalu telah berlangsung Majlis Bai'ah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi Sesi 2018/2019 bertempat di Auditorium Dr Zainuddin Jaffar KUIS. Majlis ini turut dihadiri oleh semua barisan Pengurusan KUIS.

Amanat telah disampaikan oleh Rektor KUIS, Profesor Dato' Dr Ab Halim Tamuri yang mana dalam ucapan beliau memohon agar MPP sentiasa bekerjasama dengan pihak pentadbiran universiti dalam membantu mengawal disiplin pelajar selain berusaha menjaga nama baik KUIS sepanjang masa.

Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni, Dr Mohamad Syukri bin Abdul Rahman pula mengharapkan agar MPP sentiasa mematuhi prosedur yang telah ditetapkan dan melaksanakan amanah yang diterima dengan penuh tanggungjawab. Majlis turu menyaksikan bacaan lafaz ikrar daripada barisan MPP dan disaksikan oleh semua Pengurusan KUIS.

# Berdakwah di Bumi Matahari Terbit JEPUN

Oleh : Safinah Ismail

Pada 10-14 Januari seramai 42 orang pelajar KUIS bersama seorang pensyarah pengiring telah mengadakan travelog dakwah di bumi matahari terbit Jepun dengan kerjasama Caravan Serai Holidays dan Persatuan Muslim Jepun. Ia merupakan program di bawah subjek Dakwah dan Pelancongan dari Jabatan Dakwah dan Usuluddin. Silibus yang diketengahkan adalah mengenai pelancongan sama ada dalam mahupun luar negara terutamanya aplikasi dalam berdakwah. Diiringi niat murni dalam membawa pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengorak langkah mempraktikkan dakwah di Jepun.

Antara tujuan program ini dijalankan adalah melahirkan pelajar dakwah yang lebih aktif dalam pembentangan dan pengurusan seminar yang dijalankan selain mempromosikan KUIS kepada masyarakat umum. Ia juga untuk meningkatkan pengetahuan berbentuk intelek dan kerohanian serta mempelajari adat resam serta budaya rakyat bukan Muslim di Jepun.

Antara program yang dilaksanakan di sana adalah Seminar Dakwah Antara Budaya 1.0 bertempat di Masjid Kobe, Jepun. Sebanyak 44 pembentangan telah dibahaskan dalam seminar tersebut. Pelajar turut diberikan latihan “street dakwah” di kawasan yang dilawati dan beramah mesra dengan rakyat Jepun.



Menurut Adam, “pengembaraan yang bernilai tinggi adalah pengembaraan yang dilakukan kerana Allah S.W.T. Semakin tunduk kepada Allah S.W.T, semakin banyak pengalaman dilalui dan semakin rendah rasa diri. Semakin banyak yang dipelajari, semakin jelas kebesaran Allah S.W.T. Semakin lama dan jauh pengembaraan, semakin akrab ikatan persaudaraan sesama Islam. Dan semua nilai ini beliau dapat rasakan sepanjang program Travelog Dakwah Di Bumi Matahari Terbit”.

Nur Zawani Zakaria turut mengatakan bahawa “Program travelog dakwah ke Osaka memberi sejuta makna pada diri saya. Saya belajar erti bangkit mencari pengalaman dalam sulit akhirnya Allah SWT memberi kenangan yang manis. Pelbagai ilmu telah saya bawa pulang bersama dari segi akhlak,peraturannya dan pelbagai contoh tauladan yang masih menggamit jiwa. Moga ibrah yang besar ini memberi makna yang indah di awal tahun ini”.



FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM

Aras 2, Blok Akademik 2,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7167 +603 8925 4402

fppi@kuis.edu.my

# APPS ISLAMIK HASIL USAHA FSTM

—FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INFORMASI, KUIS

Oleh : Khirulnizam Abd Rahman



Fakulti Sains & Teknologi Makluma (FSTM) dengan hasil usaha beberapa orang pensyarah, pelajar dan alumni FSTM maka terhasilnya aplikasi Islamik yang sedia untuk dimuat-turun oleh pengguna. Aplikasi ini hanya untuk pengguna telefon pintar Android.

## Smart Solat

Apps Panduan menunaikan solat lima waktu dengan kerjasama Ustaz Don Daniyal Don Biyajid sebagai suara bacaan dan pakar rujuk isi kandungan. Disediakan juga dalam tiga bahasa; Melayu, Inggeris dan Perancis selain animasi 2D proses mengangkat wudhu'.

Apps ini berbayar. Untuk muat-turun versi percuma sila dapatkan di <http://bit.ly/smartsolat>  
<https://play.google.com/store/apps/details?id=air.creativ evault.smartsolat>




## Al-Ma'thurat

*Al-Mathurat* bersama Ustaz Don mengandungi wirid dan doa harian yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Wirid, Doa, Zikir dan Istighfar dalam *Al-Mathurat* ini akan memantapkan jiwa di samping memiliki keutamaan dalam segala aspek kehidupan. Mendidik hati agar sentiasa merindui kepada Ilahi dan memberi kelapangan hidup dan kesihatan jasmani. Bacaan di dalam *Al-Mathurat* ini diperdengarkan oleh suara Ustaz

Don Daniyal.

Kerjasama dengan MadCat World Sdn Bhd Versi

Android: <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.madcatworld.alMathurat>



## Ratib al-Attas

Ratib Al-Attas ini dikarang oleh al-Habib Umar bin Abdurrahman al-Attas dan sekarang telah berusia kira-kira 400 tahun. Ratib yang dimaksudkan di sini berasal dari perkataan (rattaba) berarti mengatur atau menyusun. Ratib adalah sesuatu yang tersusun, teratur dengan rapinya. Ratib al-Attas mengandungi zikir, ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang telah disusun oleh al-Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas yang juga dibaca pada waktu-

waktu yang tertentu.

Versi Android:

<https://play.google.com/store/apps/details?id=air.ratibAttas>

## FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Aras 1, Blok Teknologi Maklumat,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7197

+603 8925 4473

@ fstm@kuis.edu.my

## SEMINAR POLIGAMI PILIHAN ATAU TAKDIR

Oleh : Pn. Zaini Yusnita Binti Jusoh


Syarahan daripada  
Ustaz Zainuddin



Barisan Panel di Seminar Poligami



Soalan daripada penonton



Tanggal 23 Februari, buat pertama kalinya dengan jayanya Fakulti Syariah & Undang Undang telah menganjurkan Seminar Poligami: Pilihan atau Takdir. Ia adalah seminar yang pertama yang diadakan pada tahun ini 2018. Seminar ini diadakan di Auditorium Said Ramadhan al-Buti, Blok Akademik 2, KUIS.

Tujuan utama seminar ini dijalankan adalah bagi mendedahkan kepada masyarakat tentang poligami dari aspek undang-undang dan fiqh dan juga memperbetulkan persepsi masyarakat berkaitan realiti sebenar hidup berpogami.

Seramai 90 orang peserta daripada luar dan dalam KUIS, telah menjayakan seminar ini. Tidak ketinggalan pelajar-pelajar KUIS turut memberi sambutan yang amat menggalakkan. Bagi merealisasikan lagi seminar ini, perkhidmatan rundingcara guaman dimana empat orang peguam yang telah dilantik oleh Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) turut memberi khidmat percuma kepada peserta yang mempunyai sebarang kemusykilan.

Untuk memudahkan lagi masyarakat yang tidak berpeluang mengunjungi seminar ini KUIS turut menyediakan secara live hari kejadian menerusi Facebook Fakulti Syariah Undang Undang dan mendapat liputan media dari pihak BH Online serta dari pihak Karangkrak.

### FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG

Aras 1, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 6310

+603 8925 4402 @ fsu@kuis.edu.my

## Wacana Akademik 3.0 FSU

Oleh : En. Khairul Anuar Ahmad

Pada 2 Februari yang lalu, Sekretariat Persidangan Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU) KUIS telah menganjurkan Siri Wacana Akademik 3.0 dengan tajuk “Konversi Agama: Apa Status Anak?”. Wacana Akademik ini disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institute Of Advanced Islamic Studies.

Tajuk yang dibincangkan amat bertepatan dengan isu semasa berkaitan pertukaran agama ibu bapa dan kesannya terhadap status agama anak-anak. Memandangkan isu ini masih hangat diperkatakan ketika itu, wacana ini telah berjaya menarik minat peserta-peserta luar yang aktif melontarkan persoalan berkaitan isu ini semasa sesi soal jawab. Tidak ketinggalan juga pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) KUIS yang turut mengemukakan soalan yang amat berkait dengan bidang pengajian mereka. Seusai sesi ceramah, satu sidang media telah diadakan.

Ringkasnya, program wacana kali ini telah berjaya dijalankan dengan mendapat sambutan penyertaan dari dalam dan luar KUIS, walaupun penganjurannya dibuat dalam masa yang singkat.



Antara panel Wacana Akademik 3.0

## Wacana Fiqh Turath 1

Oleh : Bdul Hakim Baharudin @ Ismail

Unit Klinik Hukum & Ihya' Al-Turath, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) telah menganjurkan satu wacana pada 28 Februari yang lalu. Wacana yang bertajuk “Mazhab Syafie: Pengenalan Asas, Syarat Ijtihad dan Fleksibiliti Mazhab” bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan asas dan penguasaan dalam ilmu fiqh dikalangan mahasiswa Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Selain itu, penganjuran wacana ini juga bertujuan membudayakan ilmu turath dikalangan mahasiswa KUIS. Bersempena wacana ini juga telah diadakan majlis pra-pelancaran Klinik Hukum yang disempurnakan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Tiga (3) orang pensyarah jabatan Syariah telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja berkaitan tajuk yang telah ditetapkan. Wacana ini telah mendapat sambutan yang baik dikalangan mahasiswa dengan kehadiran seramai 180 orang.

**Prof. Madya Dr. Mohamed Azam B. Mohamed Adil**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
International Institute of Advanced Islamic Studies



Soalan-soalan yang dikemukakan oleh peserta juga menunjukkan mereka begitu berminat dengan perbincangan tajuk yang lebih terbuka berbanding silibus pengajian di dalam kelas. Wacana secara dalaman sebegini akan terus diadakan pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penguasaan mahasiswa dalam ilmu-ilmu asas syariah.



Sesi bergambar bersama Prof. Madya Dr. Mohamed Azam B. Mohamed Adil

### FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG

Aras 1, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 6310

+603 8925 4402

fsu@kuis.edu.my

# PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR KUIS-UMMI ERAT JALINAN

Oleh : Dr Norziah Othman

Pada 15 Mac pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menerima kunjungan delegasi pelajar daripada Universitas Muhammadiyah Sukabumi (UMMI) Indonesia bagi program pertukaran pelajar baru-baru ini.

Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan) KUIS, Dr Zulkifli Abd Hamid berkata, program selama 17 hari itu melibatkan tiga orang pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki bagi program sarjana muda dalam bidang pengajian perniagaan.

Melalui program sebegini, dijangka dapat mengeratkan serta memperkukuhkan lagi jaringan dan jalinan antarabangsa antara dua buah negara.

"Program pertukaran pelajar ini bakal memberi banyak manfaat apabila mereka ini bukan sekadar bertukar-



Delegasi pelajar dan 'buddy' yang terlibat dalam program pertukaran pelajar UMMI-KUIS diapit oleh pensyarah pengiring bagi kedua-dua buah institusi.

tukar maklumat, budaya, adat resam, bahasa dan makanan.

"Pelajar dari UMMI turut merasai pengalaman perkongsian ilmu apabila mereka juga perlu menghadirkan diri ke kuliah dan program mahasiswa yang berlangsung sepanjang tempoh berada di KUIS," katanya.

Selain itu, pelajar UMMI turut dibawa melawat ke tempat menarik sekitar Lembah Klang diiringi pelajar KUIS ke Balai Seni Lukis Negara, Muzium Perdana Putrajaya, Menara Berkembar Petronas (KLCC), Pasar Seni dan banyak lagi.

Pada masa sama, KUIS merancang untuk mengadakan lawatan balas melibatkan empat orang pelajar iaitu mereka yang terlibat sebagai 'buddy' mengiringi pelajar UMMI ketika berada di KUIS bagi mengikuti program pertukaran pelajar ke UMMI pada 19 hingga 30 April ini.



Majlis penutup program yang telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan), KUIS, Dr. Zulkifli Abdul Hamid.

## FAKULTI PENGURUSAN & MUAMALAH

Aras Bawah, Blok Akademik 1,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7181

+603 8925 4472

fpm@kuis.edu.my

## PELAJAR STIE EKUITAS BANDUNG TIMBA PENGALAMAN DI KUIS

Oleh : Dr Norziah Othman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima kunjungan delegasi pelajar daripada Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Ekuitas, Bandung, Indonesia buat kali ketiga bagi program pertukaran pelajar mulai 17 Februari sehingga 1 Mac 2018. Program selama 13 hari ini melibatkan 19 orang pelajar pelbagai bidang pengajian. Seramai 21 orang pelajar KUIS turut dilantik sebagai 'buddy' iaitu peneman yang bertanggungjawab mendampingi dan membantu delegasi dari STIE Ekuitas ketika berada di KUIS khususnya. Lima orang pensyarah dari STIE Ekuitas yang mengiringi pelajar-pelajar ini turut dijemput memberikan kuliah berkaitan bidang pengkhususan pengajaran mereka kepada pelajar KUIS. Program pertukaran pelajar dan pensyarah ini telah memberikan banyak manfaat apabila pengetahuan dan pengalaman di kedua-dua buah negara dapat dikongsi bersama malah peserta juga saling bertukar budaya, adat resam, bahasa dan makanan.

Suasana pembelajaran yang berbeza di samping perkongsian ilmu yang berguna diperoleh apabila pelajar-pelajar dari STIE Ekuitas ini perlu terlibat sama menghadirkan diri ke kuliah dan kebanyakan program mahasiswa yang berlangsung sepanjang tempoh mereka di KUIS. Lawatan ke tempat-tempat menarik di sekitar Lembah Klang juga turut disertai oleh pelajar-pelajar tersebut seperti ke kilang pembuatan coklat Beryl's, Balai Seni Lukis Negara, Muzium Perdana Putrajaya selain Manara Berkembar Petronas (KLCC), Pasar Seni dan banyak lagi.

Jalinan ukhuwah yang sedia terjalin antara KUIS dan STIE Ekuitas ini ternyata berupaya ditambaheratkan melalui program ini. Kesemua pelajar yang terlibat dalam program pertukaran pelajar STIE Ekuitas-KUIS jelas gembira dan mengalu-alukan kedatangan rombongan dari KUIS pula pada masa akan datang.



Delegasi pelajar bersama pensyarah pengiring bersama 'buddy' dan pihak terlibat dalam program pertukaran pelajar STIE Ekuitas-KUIS.



Delegasi merakamkan foro kenang-kenangan bersama pensyarah subjek komunikasi En Ghazali Mohd Ali selepas sesi kuliah



Rakaman foto ketika bersiar-siar disekitar Kuala Lumpur.

### FAKULTI PENGURUSAN & MUAMALAH

Aras Bawah, Blok Akademik 1,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7181

+603 8925 4472

fpm@kuis.edu.my



# Program Latihan Profesionalisme Keguruan bagi Guru-guru Kafa Daerah Hulu Langat.

Oleh : Dr Zetty Nurzuliana Rashed

Pada 7 Mac 2018, satu program Profesionalisme Keguruan bagi guru-guru Kafa Daerah Hulu Langat telah disampaikan oleh Dr. Zetty Nurzuliana Rashed telah diadakan di Dewan Sekolah Rendah Agama Sungai Kantan 3, Kajang. Beliau telah dijemput oleh Jawatankuasa Guru-guru Agama Daerah Hulu Langat untuk menyampaikan ceramah mengenai Pendekatan Pendidikan Abad Ke 21 dalam Pendidikan Islam. Seramai 130 orang guru-guru kafa yang mengajar di Sekolah Rendah Agama (SRA) sekitar daerah Hulu Langat menghadiri program ini.



Antara objektif ceramah ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada para guru-guru Kafa tentang konsep pendidikan abad ke 21, konsep pengurusan bilik darjah dan susun atur bilik darjah abad ke 21. Di samping itu juga turut didedahkan juga tentang kaedah dan strategi pengajaran Pendidikan Islam yang bersesuaian dengan Pendidikan Abad ke 21. Sesi perkongsian ilmu berjalan dengan lancar dan menggunakan pendekatan dua hala. Sesi ceramah ini mengambil masa selama dua jam 30 minit bermula dari pukul 11 pagi hingga pukul 1.30 tengahari. Pihak urusetia amat berpuas hati dengan penganjuran program ini. Kursus Profesionalisme Keguruan ini penting bagi setiap guru kerana itu mendorong dan membantu guru mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik bersesuaian dengan keperluan pendidikan abad ke 21.

## FAKULTI PENDIDIKAN

Aras 1, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 1310

+603 8925 4459 @ fp@kuis.edu.my

# Program “ Bina Mumtaz Guru” Daerah Klang Disediakan

Oleh: Dr Zetty Nurzuliana Rashed



Pada 14 dan 15 Mac 2018, satu program “Bina Mumtaz Guru” bagi guru-guru Kafa Daerah Klang telah diadakan di Dewan Al-Ghazali, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Program ini adalah dianjurkan oleh Jawatankuasa Guru-guru Agama Daerah Klang. Seramai 120 orang guru-guru kafa yang mengajar di Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) sekitar daerah Klang menghadiri program ini.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara mendalam kepada para guru-guru KAFA dan SRA tentang konsep pendidikan Abad ke 21, konsep pengurusan bilik darjah dan susun atur bilik darjah abad ke 21. Di samping itu juga turut didedahkan tentang kaedah dan strategi pengajaran Pendidikan Islam yang bersesuaian dengan Pendidikan Abad ke 21 serta teknik pengurusan stres. Antara pensyarah Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang terlibat adalah Dr Zetty Nurzuliana Rashed, Dr Mohd Faez Ilias, Ustaz Mohamad Fuad Hj. Ishak, Tuan Haji Rekeman Bin Kusut dan Cik Nurul Syuhaida Bt. Aman. Sesi perkongsian ilmu ini berjalan dengan lancar dengan menggunakan pendekatan dua hala. Sesi program ini mengambil masa selama dua hari bermula dari pada 14 Mac hingga 15 Mac 2018. Sambutan untuk program ini adalah amat menggalakkan.



## FAKULTI PENDIDIKAN

- ✉ Aras 1, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- ☎ +603 8911 7000 sambungan 1310
- 📠 +603 8925 4459      @ fp@kuis.edu.my

# KUISCELL DAN HALAL INTERNATIONAL SELANGOR (HIS) BAKAL LAHIRKAN 200 ORANG PROFESIONAL HALAL

Oleh: Athilah Juhari

Pada 11 Februari 2018, telah berlangsung Majlis Pelancaran Program Latihan Pembangunan Kecekapan dan Kapasiti Industri Dagangan Halal yang dirasmikan oleh Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi di Hotel Bangi-Putrajaya.

Program ini telah dianjurkan oleh KUISCELL Sdn Bhd dengan kerjasama Halal International Selangor (HIS) yang mana ianya menjadi inisiatif kedua-dua pihak dalam meluaskan lagi pasaran halal dengan menyediakan program latihan bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir.

Program latihan pada peringkat awal iaitu Halal Technical Competent Person (HTCP) yang melibatkan 20 orang pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telahpun diadakan selama empat hari sebelum majlis pelancaran.

Semasa majlis pelancaran, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata program ini merupakan sebuah program besar yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri dengan sasaran untuk melahirkan 200 tenaga mahir melalui program latihan HTCP. Menurut beliau lagi, "Apa yang perlu dilihat dalam program ini adalah mengenai kebijaksanaan (wisdom). Kebijaksanaan merupakan satu barang yang tercacir, ianya terpulang kepada kita untuk mengutipnya ataupun tidak. Program ini adalah peluang untuk mengutip kebijaksanaan yang berharga ini untuk kepentingan dunia. Oleh kerana adanya kebijaksanaan ini maka program ini dapat dijalankan".

Beliau berharap agar program ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk tahap yang seterusnya demi mewujudkan rangkaian yang lebih luas ke peringkat antarabangsa.

Menurutnya lagi, bagi mencapai matlamat program, kerajaan negeri merancang penyertaan pegawai di beberapa jabatan yang terlibat dengan industri halal untuk mengikuti program latihan, maka menjadi



tanggungjawab KUISCELL Sdn Bhd dan HIS untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh peserta.

Oleh itu, melalui program latihan HTCP, peserta yang layak dan mahir iaitu professional halal akan dihantar ke luar negara untuk ditempatkan dalam syarikat yang meneroka pasaran halal. Ini menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama hub halal di peringkat antarabangsa. Majlis pelancaran itu turut dihadiri Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) KUIS Dr. Mokmin Basri dan Pengarah HIS, Datuk Dr. Mahmud Abbas.

## KUISCELL

BLOK PENTADBIRAN KUIS,  
PERSIARAN 1, BANDAR SERI PUTRA,  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN

03-89121636

03-89231636

@ kuiscell@kuis.edu.my

# Gerak Gempur STAM 2017

Oleh : Norazreen Roslan

Sebanyak 28 buah sekolah menengah agama melibatkan negeri Selangor, Perak, Pahang, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah telah digempur bagi mempromosikan Program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda semasa keputusan STAM 2017 diumumkan.

Seramai 48 sekretariat pemasaran KUIS terlibat bagi menjalankan aktiviti promosi bagi memastikan maklumat program dan syarat kemasukan ke Ijazah Sarjana Muda KUIS dapat disampaikan kepada pelajar yang mengambil keputusan STAM 2017 pada 18 Januari secara meyeluruh termasuk yang diluar bandar.

Pentingnya info berkaitan maklumat program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda disampaikan adalah kerana pendedahan awal kepada pelajar terutama pelajar yang mendapat keputusan yang sederhana.

Dengan syarat kemasukan yang minimum bermula dengan pangkat maqbul para pelajar lepasan STAM 2017 masih mempunyai peluang menyambung pengajian di peringkat tinggi di KUIS.

Susulan dari gerak gempur tersebut KUIS telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dari semua



## BAHAGIAN PEMASARAN & KOMUNIKASI

- ✉ Aras Bawah, Blok Pentadbiran,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- ☎ +603 8911 7000 sambungan 2240 / 1418 / 1220 / 1205
- ☎ +603 8926 8462    @ info@kuis.edu.my

# SADAQA HOUSE LAUNCHING

BY BANK ISLAM DURING KARNIVAL KEWANGAN 2018

Oleh : Bdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail

On 19 January 2018, Bank Islam has successfully launched Sadaqa House during the Karnival Kewangan 2018 held in TH Convention Centre, Alor Star, Kedah, from 19th – 21st January 2018.

The launching ceremony was officiated by the Gabenor of Bank Negara Malaysia, Tan Sri Muhammad Ibrahim. The ceremony was attended by Professor Dato' Dr Abdul Halim Tamuri, Rector of KUIS; Dato' Dr Abdul Halim Ismail, First Managing Director, BIMB; the Sadaqa House team and participants from various institutions.

International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF) is a research centre that focuses on Islamic Banking and Finance. In this respect, IRCIEF acts as a centre which allows academicians and industry players to meet and discuss together on issues, solutions and recommendations in the field of Islamic Economics and Finance.

This year has marked another history to IRCIEF specifically and KUIS generally in its achievement since it is established. Sadaqa House project has gone through a tough journey starting from 2014 in order to benefit the mankind. In September 2017, IRCIEF finally manage to harvest the outcome with the launching of Green Report. By launching the Sadaqa House book during the 13th WIEF, IRCIEF had made another great achievement for the Sadaqa House project. The launching of Sadaqa House by Bank Islam has marked the success of the idea initiated by Dato' Dr Abdul Halim Ismail.

Sadaqa House is a social finance initiative which enables public contribution to be done through digital funding platform. The collected funds will be used for social development purposes especially in health aid, economic empowerment and community empowerment. This will be an encouragement for people to invest ethically in supporting the development of least favoured economic sectors.

With the launching of this practical and viable product, Islamic Finance sector can get a new idea and improvement and may this effort always be in the blessings of Allah s.w.t.

The officiator of Sadaqa House product with the founder of Sadaqa House



The Sadaqa House officiating session



A part of the Sadaqa House team members

PUSAT PENYELIDIKAN ANTARABANGSA  
EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM (IRCIEF)

Aras 2, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor darul Ehsan.

+603 8911 7000

+603 8926 2634

ircief@kuis.edu.my

## SADAQA HOUSE MODEL WINS AWARDS AT THE 8TH EXPOSITION ON ISLAMIC INNOVATION (I-INOVA) 2018

On 10th -11th March 2018, The Sadaqa House team has participated the 8th Exposition on Islamic Innovation (i-INOVA) 2018 held in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

The Sadaqa House team has come out with the presentation 'Sadaqa House Model' which is implemented by Bank Islam Malaysia Berhad on 19th January 2018. The idea of Sadaqa House has been inspired by its first Managing Director, Dato' Dr Abdul Halim Ismail. This project is the collaboration between IRCIEF KUIS and Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Sadaqa House model is a service for collecting sadaqa from donor(s). Under this structure, Islamic banks may create a trust account known as the Sadaqa House fund. Customer(s) of the Islamic banks may donate any amount of money into the account. The terms and conditions relating to the operation of the Sadaqa House fund need to be communicated to the donor(s) before the execution of any document to indicate that the donor(s) agrees to the terms and conditions.

The amount collected from the fund will be invested in a low risk investment. The income generated from the investment will be subjected to corporate tax rate as specified by the Inland Revenue Board (IRB). The balance of the profit generated from the investment after the deduction of corporate tax will be distributed to the beneficiaries as determined by the Islamic bank. For the purpose of transparency, the Islamic bank offering the service needs to disclose the list of beneficiaries to the donors using any methods deemed appropriate by the bank, for instance by publishing the list of beneficiaries in its website or by issuing a periodical statement to the donors. To maintain the sustainability feature of the structure, the initial donation will remain in the fund for reinvestment.

The purpose of the model is to propose an implementable and sustainable model for Islamic banks to incorporate as one of their services. The model is a result of extensive research and trail-blazing thoughts encompassing corporate and shariah governance, operation aspects, and legal and regulatory outlook and taxation

landscape. The model has been adopted by Bank Islam Malaysia Berhad in January 2018 as one of its banking services.

The event, i-INOVA has witnessed the success of the Sadaqa House Model presentation as the Gold medal winner and one of the grand award winners (Best Islamic Innovative Award i-INOVA, Open Category). This indicates the uniqueness of Sadaqa House in making contribution towards community welfare needs.

With this acknowledgement, it is hoped that the Sadaqa House product will be adopted by other banks and also become a major contributor and medium towards achieving the nation's aspiration in becoming the fully developed country. Congratulations to the Sadaqa House team in working on this product development.





KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
الكلية الإسلامية العالمية لاسلام سelangor  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR



# SERTAI... WAKAF PENDIDIKAN KUIS

*"Dalam kehidupan ini usia akan berakhir,  
tetapi biarlah pahala terus mengalir"*

#jomwakafdikuis  
#wakafilmukuis  
#pelaburanduniauntukakhirat

Bahagian Zakat, Wakaf & Infaq, Kolej Universiti Islam Antarabangsa selangor,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor.  
Tel : 03 8911 7094, 8911 7022 Web: www.kuis.edu.my



# ZAKAT ANDA MENJANA PEMBANGUNAN GENERASI DA'I, ULAMA' & UMARA'



*pada harta kita, ada hak orang lain  
tunaikan kewajipan berzakat, hidup lebih berkat*

#bersih2.5%  
#jomzakatdikuis  
#bahagiadenganmemberi  
#siriiklanjiwa2



BAHAGIAN ZAKAT, WAKAF & INFAQ  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR  
03 8911 7094 , 8911 7022 zakat@kuis.edu.my

FATHI

**PENDAFTARAN  
JUN / NOV  
2018**



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**  
**الكلية الإسلامية العالمية بيننا لا نحن**  
**INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR**  
 DKU002(B)

DI SINI LABIRNYA...  
**DAI ULAMA & UMARA**



Kampus Bandar Seri Putra, Kajang

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PHD)**

- PI01 Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat R/221/8/0001 (MQA/PA0104) 05/20
- PI02 Phd Pengajian Bahasa Arab N/224/8/0075 (MQA/PA8615) 05/22
- PT01 Doktor Falsafah Multimedia Kreatif N/213/8/0304 (MQA/PA8634) 05/22
- PE01 Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan N/142/8/10019 (MQA/PA 8632) 05/22

**IJAZAH SARJANA (MASTERS)**

**Sarjana Secara Kerja Kursus (Coursework)**

- MG01 Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Muamalah) R/2340/7/0227 (A8677) 04/23
- MG02 Ijazah Sarjana Syariah (Pengurusan) R/221/7/0010 (A10231) 11/19
- MC03 Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat N/482/7/0107 (MQA/PA7213) 02/21

**Sarjana Secara penyelidikan (Research)**

- MT04 Sarjana Usuluddin (Pemikiran Islam) N/221/7/0204 (MQA/PA8612) 04/22
- MT05 Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama) N/221/7/0218 (MQA/PA8610) 04/22
- MT06 Sarjana Pengajian Al-Hadith N/221/7/0205 (MQA/PA8607) 05/22
- MT07 Sarjana Pengajian Al-Quran N/221/7/0206 (MQA/PA8608) 05/22
- MT08 Sarjana Pengajian Ilmu Qiraat N/221/7/0217 (MQA/PA8601) 05/22
- MT09 Sarjana Dakwah Dan Pembangunan Komuniti N/221/7/0207 (MQA/PA8602) 05/22
- MT10 Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia N/345/7/1012 (MQA/PA8604) 05/22
- MT11 Ijazah Sarjana Ekonomi N/314/7/0035 (MQA/PA8611) 05/22
- MT12 Ijazah Sarjana Kewangan Islam N/343/7/0217 (MQA/PA8600) 05/22
- MT13 Ijazah Sarjana Perakaunan N/344/7/0491 (MQA/PA8606) 05/22
- MT14 Ijazah Sarjana Komunikasi N/321/7/0212 (MQA/PA8702) 05/22
- MT15 Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) N/145/7/0092 (MQA/PA8603) 05/22
- MT16 Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa) N/145/7/0093 (MQA/PA8609) 05/22
- MT17 Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pedagogi) N/142/7/0018 (MQA/PA8604) 05/22
- MT18 Ijazah Sarjana Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan) N/145/7/0067 (MQA/PA8613) 05/22
- MT19 Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan) N/145/7/0094 (MQA/PA8605) 05/22
- MT20 Ijazah Sarjana Sains (Multimedia Kreatif) N/213/7/0303 (MQA/PA8631) 05/22

**DIPLOMA**

- IS12 Pengajian Islam (Syariah) R/221/4/0151 (A11622) 7/20
- IS18 Syariah dan Perundangan Islam R/381/4/0006 (A9601) 10/18
- IS11 Pengajian Islam (Bahasa Arab) R/224/4/0059 (A6309) 07/20
- IS13 Pengajian Islam (Aqidah & Pemikiran Islam) R/221/4/0152 (A11620) 07/20
- IS14 Pengajian Islam (Al-Quran dan Al-Sunnah) R/221/4/0150 (A11607) 7/20
- IS15 Pengajian Islam (Dakwah) R/221/4/0149 (A6311) 07/20
- IS16 Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat R/221/4/0149 (A7641) 11/21
- MS31 Perakaunan R/2344/4/0009 (A.6315) 06/20
- MS32 Pengurusan Perniagaan R/2345/4/0007 (A.6313) 06/20
- MS33 Perbankan Islam R/343/4/0185 (A.6314) 12/20
- MS34 Pengurusan Sumber Manusia R/345/4/0797 (A.6316) 12/20
- MS35 Ekonomi R/314/4/0027 (A.11774) 10/20
- CS41 Komunikasi R/321/4/0008 (A.7026) 03/21
- LS43 Pengajian Bahasa Inggeris R/224/4/0017 (A.8286) 09/22
- MS36 Multimedia R/2481/4/0033 (A6926) 02/20
- MS39 Sains Komputer R/481/4/0305 (A9521) 10/18
- ES52 Perguruan (TESL) N/145/4/0031 (A8731) 04/18
- ES53 Perguruan (Pendidikan Islam) R/145/4/0032 (A8732) 05/18

**ASASI**

- FA01 Asasi Pengajian Islam R/210103/0469 (A8180) 01/23
- FA02 Asasi Pengurusan R/210103/0470 (A8179) 01/23
- FA03 Pengajian Asas Teknologi Maklumat R/482/3/0045 (A8382) 02/23
- FA04 Asasi Bahasa Arab R/210103/0479 (A8235) 09/22
- FA05 Asasi Komunikasi R/210103/0468 (A8348) 01/23
- FA06 Asasi Bahasa Inggeris N/010103/0043 (MQA/PA8633) 05/22

**Tarikh Penting Pendaftaran Pelajar Baharu KUIS  
Sesi 1, Tahun 2018/2019**

ASASI	30.6.2018 (Sabtu)
Diploma & Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)	26.5.2018 (Sabtu) & 27.5.2018 (Ahad)
Sarjana Tesis Penuh/Mixed Mode (Sepenuh & Separuh Masa)	26.5.2018 (Sabtu)
Ijazah Doktor Falsafah (PH.D) (Sepenuh & Separuh Masa)	26.5.2018 (Sabtu)
Sarjana Kerja Kursus (Sepenuh & Separuh Masa)	17.10.2018 (Khamis)

**IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)**

- BI01 Syariah dengan Undang-Undang R/381/6/0010 (A6282) 09/20
- BS02 Syariah dengan Muamalah N/221/6/0203 (MQA/PA6617) 04/22
- BI02 Al-Quran dan Al-Sunnah dengan Komunikasi R/221/6/0098 (A1008) 09/19
- BI03 Usuluddin dengan Multimedia R/221/6/0099 (A10229) 12/19
- BI04 Al Quran dan Al-Qiraat R/221/6/0107 (A10082) 01/20
- BI05 Dakwah dan Pengurusan Sumber Insan R/221/6/0106 (A10230) 01/20
- BC01 Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua R/222/9/0004 (A7560) 01/20
- BC03 Bahasa Arab (Terjemahan) R/224/6/0030 (A8817) 06/18
- BI06 Bahasa Arab dengan Multimedia N/222/6/0024 (MQA/PA6618) 05/22
- BB01 Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang R/345/6/0771 (A6298) 07/20
- BB02 Pengurusan Sumber Insan R/345/6/0108 (A.7395) 01/22
- BB03 Ekonomi dan Kewangan R/314/6/0004 (A.7396) 02/22
- BB04 Perakaunan R/344/6/0071 (A.7397) 03/22
- BB05 Kewangan Islam (Perbankan) R/343/6/0078 (A8818) 09/18
- BC02 Komunikasi (Penyiaran) R/2321/6/0053 (A8383) 02/23
- BT01 Multimedia Kreatif (Media Interaktif) R/481/6/0643 (A6283) 07/20
- BT02 Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) R/481/6/0644 (A6284) 07/20
- BE01 Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua dengan Multimedia N/145/4/0050 (MQA/PA6925) 5/22
- BE02 Pendidikan Islam dengan Multimedia N/145/7/0062 (MQA/PA6924) 7/20
- BB08 Pengurusan (Industri Halal) N/345/6/1060 (MQA/PA.8703) 01/25

**# JOM MASUK KUIS!**

**Mohon Sekarang!**  
 Atas Talian **www.kuis.edu.my**  
 ☎ 019 - 389 6937 / 019 - 226 0746

